



Berjaya harum nama Malaysia

Pelajar PhD UMP rangkul tempat kedua dalam Pertandingan Falling Wall Labs 2017

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN - Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kéjuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila telah merangkul tempat kedua dalam Pertandingan Falling Wall Labs 2017 di Berlin, Jerman 8 dan 9 November lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, Ashwin Charles Benedict, 32, dipilih menyertai pertandingan itu selepas merangkul Juara Pertandingan Asia-Pacific 3 Minute Thesis Competition baru-baru ini.

"Idea daripada hasil kajiannya berjudul Catalyzing Change: Light at the end of the Tunnel itu memberi peluang kepadanya menyertai pertandingan di Berlin.

"Kejayaan Ashwin juga telah diraikan dalam majlis anjuran

Institut Pengajian Siswazah (IPS) yang berlangsung di Dewan Bankuet Canseleri Gambang baru-baru ini," katanya.

Menurut Dr. Daing Nasir, pemilihan Ashwin membawa harapan bukan sahaja mewakili lebih 10,000 warga universiti, malahan lebih 30 juta rakyat Malaysia dan seluruh Asia Pasifik.

"Kejayaan yang dilakarkan ini diharap dapat menyuntik semangat pelajar lain untuk menyertai program ini dan dapat berkongsi penyelidikan dengan khalayak ramai.

"Malah penemuan penyelidikan mereka boleh dibentangkan dengan cara ringkas, padat dan mudah difahami," katanya.

Sementara itu, Ashwin sebelum ini berjaya menewaskan 55 peserta lain dari seluruh Australia, New Zealand dan Asia.

Lebih menarik Ashwin



Ashwin (tiga, kanan) selepas berjaya merangkul tempat kedua dalam Pertandingan Falling Wall Labs 2017 di Berlin, Jerman.

turut meraih anugerah People's Choice Award apabila meraih undian tertinggi di pentas akhir pertandingan yang berlangsung di University of Queensland baru-baru ini.

Tesis Tiga minit (3MT) adalah satu pertandingan komunikasi penyelidikan yang dibangunkan oleh University of Queensland.

Pertandingan ini membangunkan akademik,

persembahan, dan kemahiran komunikasi penyelidikan dan menyokong pembangunan kapasiti pelajar dengan berkesan untuk menerangkan penyelidikan mereka dalam bahasa yang sesuai.